

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. TUAN TS HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN  
KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN  
MENJALANKAN TUGAS KETUA PUSTAKAWAN**

## **SEMPENA**

**HARI ARKIB ANTARABANGSA PERINGKAT UiTM**

**9 JUN 2023 | JUMAAT | 10:00 PAGI**

**JABATAN ARKIB UNIVERSITI**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam UiTM Dihatiku dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul di majlis **Kemuncak Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM** buat julung kalinya bagi tahun 2023.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan **tahniah dan syabas** kepada **Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)** atas penganjuran Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM yang berlangsung **selama 4 hari bermula 6 hingga 9 Jun 2023.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hari Arkib Antarabangsa disambut pada tarikh **9 Jun setiap tahun**. Tarikh 9 Jun dipilih bersempena dengan tarikh penubuhan **Majlis Arkib Antarabangsa / *International Council Archive (ICA)*** yang ditubuhkan pada **9 Jun 1948**. Keputusan untuk menyambut Hari Arkib Antarabangsa diumumkan oleh **ICA di Kongres Antarabangsa ICA pada November 2007 yang diadakan di Vienna**.
4. Sambutan Hari Arkib Antarabangsa bertujuan mendidik persepsi warga dan masyarakat terhadap institusi dan profesion Arkib, pengurusan rekod, pemeliharaan bahan arkib serta kesedaran pusat tanggungjawab dan masyarakat tentang peranan dan fungsi institusi arkib.
5. Untuk makluman semua, Jabatan Arkib Universiti berfungsi sebagai:
  - Penggerak sistem pengurusan rekod dan arkib universiti.
  - Untuk memelihara dan memulihara rekod universiti yang dikategorikan sebagai 'Nilai Arkib'.

- Sebagai pusat rujukan dan penyelidikan untuk pengurusan rekod, arkib dan galeri universiti.
6. Menyingkap sejarah perkembangan Jabatan Arkib Universiti, ia bermula dengan penubuhan **Unit Arkib di Bahagian Pentadbiran Pejabat Pendaftar pada 2 Januari 1982**. Melihat keperluan penyimpanan rekod-rekod yang kian bertambah, **pada September 1997**, Unit Rekod dan Arkib dipindahkan ke ruang stor pusat ITM di Bangunan Dewan Sri Budiman. **Penyerahan Bahagian Arkib oleh Pejabat Pendaftar kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bermula pada tanggal 1 Jun 2015 melalui Meyuarat JKE Bilangan 6 tahun 2015**. Ia merupakan satu pengiktirafan kepada PTAR atas kepercayaan, kepakaran dan kemampuan PTAR dalam menguruskan dokumen dan rekod universiti.
7. **Penjenamaan Bahagian Arkib kepada Jabatan Arkib Universiti dipersetujui melalui Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) bilangan enam (6) pada 1 Mac 2016**. Jabatan Arkib seterusnya mengorak langkah dengan menubuhkan **Unit Arkib di 13 Perpustakaan UiTM cawangan melalui Pekeliling Ketua Pustakawan bilangan 1 tahun 2016**. Melihat kepada kepentingan Jabatan Arkib Universiti

yang bertanggungjawab terhadap semua rekod universiti, bangunan khas untuk menampung kapasiti besar diperlukan. Justeru, bangunan ini yang dulunya merupakan **Dewan Makan Kolej Kenanga diserahkan untuk dijadikan Pusat Rekod Universiti.**

Para hadirin yang dihormati,

8. Jabatan Arkib Universiti tidak mampu mencapai kejayaan seumpama ini tanpa **sokongan dan komitmen** yang diberikan oleh **pengurusan universiti. PTAR merakam ucapan terima kasih atas kelulusan sebanyak RM Dua (2) juta** bagi pengubahsuaian dan naik taraf bangunan dewan makan ini kepada **bangunan yang menepati kehendak dan kesesuaian sebagai Jabatan Arkib Universiti.**

9. Untuk makluman semua, penubuhan **Pusat Rekod Universiti ini merupakan salah satu perancangan strategik PTAR bagi tahun 2016-2020.** Sudah pasti perancangan ke arah **Globally Renowned Universiti 2025** adalah menjadikan **Jabatan Arkib ini sebagai Pusat Rekod dan Latihan Universiti.** Sistem **“Online Finding Archive”** dibangunkan bagi memudahkan pengaksesan rekod dengan mudah dan

cepat. Sehingga kini **sebanyak 38 ribu dokumen** terkandung dalam sistem yang boleh diakses secara atas talian.

10. Bagi saya, sehingga kini Jabatan Arkib Universiti telah mengorak langkah jauh dan semakin dirujuk oleh pihak luar. Ini terbukti melalui **lawatan penendarasan** secara fizikal atau maya dari **Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), INCEIF University dan Universiti Sains Malaysia (USM)**. Selain itu, pelbagai pihak turut menghantar staf bagi menjalani latihan sangkut seperti **Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), UteM dan juga USM**.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Aktiviti yang dijalankan Sempena Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM ini bertujuan mempamerkan kepelbagaian bahan arkib yang terdapat di universiti. Disamping itu, dengan kehadiran **Jawatankuasa Kumpulan Fokus Khas Rekod dan Arkib Universiti Awam** serta pegawai rekod dari

setiap PTJ dapat mengeratkan hubungan bersama komuniti serta saling bertukar pengalaman dan pendapat. Ini penting bagi visibiliti peranan institusi arkib secara meluas.

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM tahun 2023. Semoga segala usaha yang dicurahkan dapat memberi kesedaran kepada semua tentang fungsi arkib sebagai **institusi pengekalan sejarah dan warisan universiti.**

Sekian, terima kasih.

**Wabillahitaufiq                      Walhidayah                      Wassalamualaikum**  
**Warahmatullahi Wabarakatuh.**